

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12/12/2018

## Program Biodiesel B10 mulai Februari depan

UM - 12/12/2018 m/s: 3

**PUTRAJAYA 11 Dis.** - Kerajaan akan melaksanakan Program Biodiesel B10, iaitu adunan 10 peratus biodiesel sawit dan 90 peratus diesel fosil bagi sektor pengangkutan bermula 1 Februari depan.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, program itu adalah untuk kegunaan semua jenis kenderaan diesel termasuk kenderaan pacuan empat roda, lori dan bas.

"Penggunaan 10 peratus

biodiesel sawit di Malaysia akan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau kaca sebanyak 1.6 juta tan karbon dioksida setahun.

"Dalam bahasa yang mudah, Program B10 akan menyumbang kepada pengurangan pembebasan gas karbon dioksida bersamaan dengan 10 peratus daripada jumlah kenderaan diesel setahun di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Majlis

Pelancaran Pelaksanaan Program B10 Sektor Pengangkutan di Dataran Putra, di sini hari ini.

Menerusi program itu, Dr. Mahathir berkata, kualiti udara terutama di kawasan bandar akan turut meningkat melalui penggunaan biodiesel dengan pengurangan pelepasan debu dan asap hitam ke udara.

Beliau berkata, pelaksanaan Program B10 adalah tepat pada masa ini memandangkan harga biodiesel sawit yang rendah ber-

banding dengan diesel petroleum.

"Hari ini, negara jiran kita Indonesia telah mengatasi Malaysia dan muncul sebagai pengeluar minyak sawit terbesar di dunia.

"Indonesia juga telah berjaya melaksanakan program B20, iaitu 20 peratus adunan biodiesel sawit dengan 80 peratus diesel fosil secara mandatori sejak Januari 2016 pada sektor pengangkutan tanpa sebarang masalah," ujarnya.